

AC2002

PERMASALAHAN GHARAR DALAM
URUSNIAGA SAHAM
DI BURSA SAHAM KUALA LUMPUR

8 MARCH 2007

AINUN

HAIRON BIN ZAINAL ABIDIN

JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511137978

PERMASALAHAN *GHARAR* DALAM
URUSNIAGA SAHAM
DI BURSA SAHAM KUALA LUMPUR

HAIRON BIN ZAINAL ABIDIN

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA SYARIAH

JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dipersembahkan ke hadrat Allah swt yang telah memberikan nikmat dan rahmatNya yang tidak terhingga kepada seluruh makhluk. Selawat dan salam diucapkan buat junjungan tercinta Nabi Muhammad saw, para ahli keluarga baginda, para sahabat dan *salaf al-ṣālih* serta mereka yang mengikuti jejak langkah baginda yang berterus-terusan silih berganti sehinggalah Hari Akhirat. Penulis dengan rendah diri menyatakan kesyukuran di atas pertolongan serta petunjukNya sahajalah dapat menyempurnakan disertasi ini.

Sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga penulis rakamkan khas buat Dr. Joni Tamkin Bin Borhan selaku penyelia disertasi penulis yang telah banyak menghabiskan masa, tenaga dan fikrah untuk membantu penulis. Bimbingan beliau terhadap penulis, nasihat serta tunjuk ajar beliau yang amat berharga itu tidak dapat penulis lupakan.

Yang sentiasa diingatan, kedua ibubapa tersayang, ayahanda Zainal Abidin dan bonda Lipah, kejayaan anakanda ini adalah untuk tatapan ayahanda dan bonda yang tidak jemu-jemu mendidik anakanda sedari kecil sehinggalah kini. Tidak lupa juga buat bekanda Dzarifah, Suzana, adinda Haizail dan Hafiz, sokongan kalian cukup bernilai dan bermakna buat penulis. Terima kasih juga kepada En. Aminordin yang sudi menjadi penjamin kedua pinjaman MARA penulis.

Terima kasih yang tidak terhingga penulis ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Daud bin Bakar, Dekan Pusat Pengajian Siswazah UIAM, Us. Ahmad

Suhaimi bin Yahya dan Us. Suhaimi Ahmad, eksekutif di Unit Pasaran Modal Islam, Suruhanjaya Sekuriti dan En. Hj. Mohamed Tazali, remiser di BIMB Securities Sdn. Bhd. Yang telah sudi untuk ditemubual oleh penulis dalam usaha untuk melengkapkan disertasi ini. Terima kasih juga kepada Shahrina Karim, akauntan di KPMG yang juga telah membantu penulis.

Tidak lupa juga teman seperjuangan Us. Mansor, Husni, Hasbullah al-Dumya'i, Abd. Ghani, Us. Zaini Yahya, Hahiz Mahyudin dan sahabat-sahabat yang banyak membantu penulis, syukran jazilan diucapkan.

Istimewa buat isteri tersayang, Hidayati Karim, di atas ketabahan, pertolongan dan semangat yang sentiasa diberikan kepada penulis di sepanjang penulisan ini. Juga buat anak-anak yang menjadi sumber inspirasi penulis, al-Amin, Khadijah dan as-Siddiq.

Akhir kata, semoga tulisan ini, walaupun, secebis cuma, akan menjadi satu sumbangan yang berharga untuk khazanah ilmu Islam dan dikira sebagai satu usaha yang direentai oleh Allah s.w.t. *Āmin*.

HAIRON BIN ZAINAL ABIDIN
Abu-al-amin@putera.com
Kg. Keledek
27200 Kuala Lipis, Pahang D.M.

15 Ramadan 1423
20 November 2002

ABSTRACT

This dissertation discusses about Islamic perception towards various transactions in shares quoted in the KLSE, mainly addressing the problem of *gharar*. The transactions in KLSE can be classified into normal and extended transactions like short selling, margin transactions, contra and option. *Gharar* means uncertain situation, may it be uncertain about the condition of the transacted commodity (*jahl*) or uncertain about the whether or not the commodity will result in a delivery. According to *fiqh al-mu'amalat*, *gharar* is one of the main factor that can nullify the authentication of a buy and sell transaction. Having said that, there are some exceptional situation where the elemen of *gharar* being forgivable. This research reveals that the elemen of *gharar* does not really exist in those situation. Whereas, in other situation, the elemen of *gharar* that surround the transcation is still questionable. However, this research is more prone to allowing it on the basis that the amount of *gharar* involved not being too excessive (*ghayr fâ'îsh*) to be categorized as forbidden in Islam. Besides that, there are other tanscations which is beyond the procedures in KLSE such as over the counter trading and initial public offering (IPO) being discussed by the writer in addressing the problem of *gharar*.

ABSTRAK

Disertasi ini membincangkan pandangan Islam terhadap beberapa jenis urusniaga saham yang berlaku di BSKL khususnya dalam masalah yang berkaitan dengan *gharar*. Urusniaga yang berlaku di BSKL ialah urusniaga biasa dan urusniaga lanjutan seperti jualan singkat, urusniaga margin, kontra dan opsyen. *Gharar* bermaksud satu keadaan yang tidak pasti, sama ada tidak pasti tentang keadaan barang (*jahl*) atau tidak pasti tentang kemampuan penyerahan barang itu dilakukan. Menurut *fiqh al-mu'amalat*, unsur *gharar* merupakan salah satu faktor utama yang boleh merosakkan sesuatu akad jual beli. Sungguhpun begitu, unsur *gharar* dimaafkan jika berada dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Kajian ini membuktikan bahawa unsur *gharar* tidak wujud dalam beberapa urusniaga tersebut berbanding selebihnya yang masih menjadi pertikaian. Namun kajian ini lebih cenderung untuk mengatakan bahawa ia dimaafkan kerana mengganggap nilai *ghararnya* itu tidaklah keterlaluan (*ghayr fâhiṣh*). Selain itu urusniaga di luar prosedur BSKL seperti *over the counter trading* dan terbitan awam (*IPO*) turut diselitkan oleh penulis dalam menghuraikan persoalan *gharar*.

TRANSLITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
أ	,	سَلْ	<i>sa'ala</i>
ب	<i>b</i>	بَدْل	<i>badala</i>
ت	<i>t</i>	تَمَرْ	<i>tamr</i>
ث	<i>th</i>	ثُورَة	<i>thawrah</i>
ج	<i>j</i>	جَمَلْ	<i>jamāl</i>
ح	<i>h</i>	حَدِيثْ	<i>hadīth</i>
خ	<i>kh</i>	خَالِدْ	<i>khālid</i>
د	<i>d</i>	دِيَوَانْ	<i>diwān</i>
ذ	<i>dh</i>	مَذَهَبْ	<i>madhab</i>
ر	<i>r</i>	رَمَضَانْ	<i>ramadān</i>
ز	<i>z</i>	زَمْزَمْ	<i>zamzam</i>
س	<i>s</i>	سَرَابْ	<i>sarāb</i>
ش	<i>sh</i>	شَمْسْ	<i>shams</i>
ص	<i>ṣ</i>	صَبْرْ	<i>ṣābr</i>
ض	<i>d̤</i>	ضَمِيرْ	<i>d̤amir</i>
ط	<i>t̤</i>	ظَاهِرْ	<i>t̤āhir</i>
ظ	<i>z̤</i>	ظَهَرْ	<i>z̤uhr</i>
ع	<i>c</i>	عَدْ	<i>'abd</i>
غ	<i>gh</i>	غَيْبْ	<i>ghayb</i>
ف	<i>f</i>	فَقْهَ	<i>fiqh</i>

ق	<i>q</i>	قاضى	<i>qādī</i>
ك	<i>kh</i>	كس	<i>ka's</i>
ل	<i>l</i>	لن	<i>laban</i>
م	<i>m</i>	مزمار	<i>mizmār</i>
ن	<i>n</i>	نوم	<i>nawm</i>
هـ	<i>h</i>	هبط	<i>habaṭa</i>
وـ	<i>w</i>	وصل	<i>waṣl</i>
يـ	<i>y</i>	يسار	<i>yasār</i>

Vokal

Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
	<i>a</i>	ذهب	<i>dhaḥaba</i>
	<i>i</i>	حسب	<i>haṣiba</i>
	<i>u</i>	حسن	<i>haṣuna</i>

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ا ، يـ	<i>ā</i>	كاتب ، قضى	<i>kātib, qadā</i>
يـ	<i>ī</i>	كريم	<i>karīm</i>

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
و	aw	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
ي + ي	yy , iy	سيدي ، رجعي	sayyid , raj'iyy
و	uww	عدو	'aduww

KEKECUALIAN TRANSLITERASI

Terdapat beberapa perkataan Arab yang telah diMelayukan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Oleh itu, penulis akan menggunakan perkataan-perkataan yang berkenaan sebagaimana yang tertulis di dalam Kamus Dewan. Perkataan-perkataan itu ialah seperti akad, hadis, hafiz, haid, ijab-kabul, ijithad, maslahat, mazhab, nas, takrif dan lain-lain lagi.

SENARAI SINGKATAN

ATM	: <i>Auto Teller Machine</i>
BIMB	: Bank Islam Malaysia Bhd.
BSKL	: Bursa Saham Kuala Lumpur
CDS	: <i>Central Depository System</i>
cf.	: <i>confer</i> (bandingkan)
CIC	: <i>Capital Initial Council</i> (Jawatankuasa Terbitan Modal)
ed.	: edisi
et. al.	: dan pengarang-pengarang lain
FIC	: <i>Forien Investmen Council</i> (Jawatankuasa Pelaburan Asing)
H	: tahun Hijrah
<i>Ibid</i>	: <i>ibidem</i> (rujukan yang berturut)
IPO	: <i>Initial Public Offering</i> (Tawaran Awam)
jil.	: jilid
juz.	: juzuk
KLOFFE	: <i>Kuala Lumpur Option, Forward and Future Exchange</i>
KLSE	: <i>Kuala Lumpur Stock Exchange</i>
m.s.	: muka surat
MCD	: <i>Malaysian Central Depository System Sdn. Bhd.</i>
MESDAQ	: <i>Malaysian Exchange of Sesurities Dealing & Automated Quotation Bhd.</i>
MME	: <i>Malaysian Monetari Exchange</i>
MPS	: Majlis Penasihat Syariah
<i>op. cit.</i>	: <i>opere citato</i> (rujukan berselang)
r.a.	: <i>radiya Allāh 'anhū'anhā'/'anhūm</i>
ROC	: Pendaftaran Pertubuhan
s.a.w.	: <i>ṣalla Allāh 'alayh wa sallam</i>
s.w.t.	: <i>subḥanahu wa ta'ālā</i>
SC	: <i>Security Commision</i>
SCANS	: <i>Securities Clearing Automated Network Services Sdn. Bhd.</i>
SCORE	: <i>System on Computerized Order Routing & Execution.</i>
SDP	: Sistem Depositori Pusat
SES	: <i>Stock Exchange Of Singapore</i> (BSS)
SIA	: <i>Security Industry Act</i>
sunt.	: suntingan
t.p.	: tanpa penerbit
t.t.	: tanpa tarikh
t.tp.	: tanpa tempat
terj.	: edisi terjemahan
TSR	: <i>Transferable Subscription Right</i>
WinSCORE	: Sistem Dagangan Hadapan Broker (asalnya SCORE)

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii
ABSTRACT	v
ABSTRAK	vi
SENARAI SINGKATAN	vii
TRANSLITERASI	viii
KANDUNGAN	xi

BAB PENDAHULUAN

A.	Pendahuluan	1
B.	Latar Belakang Masalah	1
C.	Objektif Kajian	3
D.	Kepentingan Kajian	4
E.	Skop Dan Bidang Kajian	5
F.	Metodologi Kajian	6
G.	Sistematika Penulisan	9
H.	Hipotesis Dan Penemuan Kajian	12
I.	Kajian Terdahulu	14

BAB PERTAMA: SISTEM JUAL-BELI ISLAM SEBAGAI LANDASAN URUSNIAGA SAHAM

Pendahuluan	18
1.0 Pengertian Jual-Beli	19
1.1 Pengertian Jual-Beli Menurut Istilah <i>Fugaha'</i>	21
1.2 Konsep Jual-Beli	23
1.3 Sistem Jual Beli Menurut Islam	24
1.4 Rukun Jual-Beli	26
1.5 Rukun Pertama : Ijab Dan Kabul	27
1.5.1 Pengertian Ijab Dan Kabul	27
1.5.2 Tujuan Diwajibkan <i>Sighah</i>	28
1.5.3 Bentuk-bentuk <i>Sighah</i> Akad	29
a. Ucapan	30
b. Unjuk Dan Beri	33
c. Isyarat	36
d. Tulisan	37
1.5.4 Syarat-syarat Sah Ijab dan Kabul	38
a. Adakah <i>Sighah</i> Kabul Perlu Disegerakan	41

1.6	Rukun Kedua : Orang Yang Berakad	42
1.6.1	Berakal, Mumaiyiz dan Baligh	42
1.6.2	Penjual Tidak Menjadi Pembeli Dalam Sesuatu Urusniaga	44
1.6.3	Tidak Dipaksa	45
1.6.4	Mempunyai Kuasa Melakukan Urusniaga	46
a.	<i>Al-Fuḍūli</i>	46
b.	<i>Al-Wakālah</i>	47
1.6.5	Pembeli Mestilah Muslim Dalam Sesetengah Keadaan	51
1.6.6	Pembeli Bukanlah Kafir Harbi Dalam Sesetengah Keadaan	52
1.7	Rukun Ketiga : <i>Al-Ma'qūd 'Alayh</i>	53
1.7.1	Bermanfaat	54
1.7.2	Dimiliki Secara Khusus	55
1.7.3	Wujud	55
1.7.4	Berupaya Diserahkan	56
1.7.5	Suci	57
1.7.6	Diketahui Keadaannya	59
1.8	Perkara-perkara Yang Merosakkan Akad Jual Beli	60
1.8.1	Riba	60
1.8.2	<i>Gharar</i>	65
1.8.3	Barang Larangan	68
1.8.4	Urusniaga Yang Membantu Kemungkaran	69
1.8.5	Ihtikar	72
1.8.6	Penipuan	76
1.9	Konsep <i>al-Qabd</i>	80
1.9.1	Pengertian	80
1.9.2	Jenis-jenis <i>al-Qabd</i>	81
1.9.3	Tambahan Berkaitan <i>al-Qabd</i>	83
1.10	Konsep Pemilikan	85
1.10.1	Pengertian	85
1.10.2	Punca-punca Pemilikan	85
1.11	Hubungkait Dengan Urusniaga Saham	87
	Kesimpulan	91

BAB KEDUA:
GHARAR MENURUT PERSPEKTIF FIQH ISLAM

Pendahuluan	93	
2.1	Pengertian <i>Al-Gharar</i>	94
2.1.1	Menurut Bahasa	94

BAB KETIGA :
URUSNIAGA DI BURSA SAHAM KUALA LUMPUR

Pendahuluan	185
3.1 Pengenalan Bursa Saham	186
3.2 BSKL	187
3.3 Perkembangan BSKL	190
3.4 Peranan dan Kepentingan	193
3.5 Perbezaan Di Antara Bursa Dengan Pasar	195
3.6 Akta dan Badan Kawalan Yang Berkaitan Dengan BSKL	195
3.7 Indeks Syariah BSKL (KLSI)	197
3.7.1 Kriteria-kriteria Syariah Yang Digunakan Sebagai Pengukur	199
3.8 Jenis-jenis Sekuriti Yang Diniagakan di BSKL	200
3.8.1 Saham Modal	201
3.8.2 Sekuriti Pendapatan Tetap	205
3.8.3 Lain-lain Sekuriti	209
3.9 Proses Urusniaga	211
3.9.1 Sistem Laungan Terbuka	212
3.9.2 Sistem Dagangan Automatik	213
3.10 Prosedur Urusniaga	215
3.10.1 Sesi Dagangan	215
3.10.2 Tawaran Minimum/Bida Minima	216
3.10.3 Lot Dagangan	217
3.10.4 Kos Urusniaga	218
3.10.5 Pendaftaran dan Pindah Milik Sijil	220
3.10.6 <i>SCORE</i>	221
3.10.7 Sistem <i>WinSCORE</i>	225
3.10.8 Proses Pesanan Urusniaga	225
a. Bentuk-bentuk Pesanan	226
i. Pesanan Terbaik	227
ii. Pesanan Terhad	228
iii. Pesanan Henti Rugi	230
b. Kesilapan Melaksanakan Pesanan	232
c. Pembetulan Kesilapan	233
d. Had Maksimum Pesanan	233
3.10.9 Sistem Penyelesaian BSKL (<i>SCANS</i>)	234
3.10.10 Sistem Depositori Pusat (<i>CDS</i>)	236
3.11 Pihak-pihak Yang Terlibat Dalam Urusniaga	237
3.12 Bentuk-bentuk Urusniaga Saham	240
3.12.1 Terbitan Awan (<i>IPO</i>)	241

3.12.2 Urusniaga Biasa	244
3.12.3 Urusniaga Kontra	245
3.12.4 Jualan Singkat	248
3.12.5 Urusniaga Margin	254
3.12.6 Urusniaga Opsyen	258
a. Waran Panggilan	259
b. Opsyen Letakan	260
c. Opsyen Panggilan	262
3.13 Urusniaga Tanpa Skrip	264
3.14 Perkara Tambahan	265
3.14.1 Spekulasi	265
a. Pro Dan Kontra Tentang Spekulasi	268
3.14.2 Manipulasi	273
Kesimpulan	275

BAB KEEMPAT :
ANALISIS URUSNIAGA SAHAM MENURUT FIQH ISLAM

Pendahuluan	277
4.1 Keharusan Jual-Beli Saham Sebagai Barang Jualan	278
4.2 Urusniaga Saham Dalam Jualan Semerta	289
4.3 Analisis Terhadap Urusniaga Tawaran Awam (IPO)	291
4.4 Analisis Urusniaga Asas Menggunakan Prosedur Biasa BSKL	293
4.5 Analisis Terhadap Urusniaga Jualan Singkat	301
4.5.1 Jualan Barang Yang Tidak Dimiliki	302
4.5.2 Jualan <i>al-Fudūlī</i>	307
4.5.3 <i>Al-Iqrād</i>	311
4.5.4 <i>Al-Ijārah Bi Idhn al-Bay^c</i>	314
4.6 Analisis Terhadap Gharar Dalam Urusniaga Margin	316
4.7 Analisis Terhadap Urusniaga Opsyen	319
4.8 Analisis Terhadap Urusniaga Kontra	327
4.8.1 Jualan Barang Sebelum <i>Qabd</i>	328
4.8.2 Jualan Hutang Dengan Hutang	332
Kesimpulan	335

BAB
PENUTUP

Pendahuluan	337
A. Kesimpulan Kajian	337
B. Cadangan-cadangan	349
BIBLIOGRAFI	352
LAMPIRAN	363

PENDAHULUAN

BAB PENDAHULUAN

A. Pendahuluan

Pendahuluan ini bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang keseluruhan disertasi ini secara umumnya. Ia akan bertindak selaku maklumat awal sebelum memasuki kajian ini dengan lebih mendalam. Pendahuluan ini juga amat penting sebagai landasan asas kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini.

B. Latar Belakang Kajian

Perkembangan mutakhir ini menyaksikan masyarakat Islam telah mula mempraktikkan ajaran Islam dalam bentuk yang lebih syumul, dari aspek ibadah, ekonomi hingga kepada aspek siasah.

Di Malaysia, penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful, BIMB *Securities*, *Islamic Window* di bank-bank konvensional dan sebagainya telah menjadi tanda bahawa sistem ekonomi Islam telah diterima bahkan mampu bersaing dengan sistem yang sedia ada.

Namun urusniaga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) masih menjadi tanda tanya dari segi kedudukannya di sisi syarak. Sesetengah pihak mendakwa urusniaga tersebut telah menepati lunas-lunas syarak sementara setengah pihak yang lain menafikannya. Persoalan ini perlu diputuskan melalui

neraca keilmuan yang jitu agar kewibawaan sistem ekonomi Islam tidak dipertikaikan sebagai mampu beraksi di zaman siber ini.

BSKL adalah antara nadi ekonomi yang terpenting bagi negara ini kerana ia mengendalikan urusniaga yang bernilai berbilion ringgit. Turun naik harga saham akan memberi kesan kepada prestasi ekonomi semasa. Pertelaghanan hukum yang berlaku hanya akan menghilangkan keyakinan masyarakat sahaja.

Menginsafi peri pentingnya penyelesaian ini dibuat, penulis merasakan amat perlu untuk menyelidiki masalah ini. Secara umumnya, persoalan yang menjadi topik utama masalah dalam urusniaga saham ini ialah *gharar*. *Gharar* biasanya diterjemahkan sebagai unsur ketidakpastian dalam penerimaan dan penyerahan sesuatu pertukaran jual-beli sama ada sempurna atau tidak. Konsep ini akan menjamin hak-hak penjual dan pembeli supaya selamat daripada tipu-daya dan penindasan sebelah pihak yang cuba mengambil kesempatan.

Jenis-jenis *gharar* antaranya ialah satu penjualan barang yang tidak pasti dapat diserahkan seperti menjual burung yang bebas di udara, menjual sesuatu yang masih belum diterima lagi (setelah dibeli) dan sebagainya.

Konsep *gharar* dalam ruang lingkupnya yang begitu luas perlu dibongkar sehalus-halusnya melalui pandangan ulama'-ulama' yang muktabar dari zaman silam sehingga ke hari ini. Kesemua pandangan ulama' tersebut akan dibincangkan untuk mencari pandangan terbaik dan paling relevan untuk

persekitaran abad ini. Konsep ini tidak boleh dipermudah-mudahkan bahkan mestilah digunakan secara tepat.

Dalam kajian ini, penulis akan cuba menyingkap konsep ini dan seterusnya akan meninjau kedudukannya dalam urusniaga saham di BSKL, sejauh mana penagamalannya dan akhirnya akan mengemukakan beberapa cadangan bagi menyelesaikan masalah tersebut agar operasi yang sedia ada boleh ditukar kepada bentuk yang jauh lebih baik iaitu bentuk Islam.

Semoga kajian ini dapat disiapkan dengan sempurna untuk manfaat semua dan menambahkan lagi koleksi ilmiah yang sedia ada, insyaAllah..amin.

C. Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan oleh penulis dalam usaha untuk mencapai beberapa objektif, iaitu :

1 - Mendedahkan asas utama sistem jual-beli menurut Islam, iaitu dari segi konsep, rukun, syarat-syarat serta perkara-perkara yang dilarang dalam proses jual-beli tersebut.

2 - Mendedahkan konsep *gharar* dalam skop jual-beli dengan mendalam hingga mengkaji kepada sifat dan *cillah* kepada hukum-hukum yang berkaitan dengan masalah *gharar*.

3 - Mendedahkan latar belakang BSKL, khasnya yang berkaitan dengan operasi urusniaga sahamnya hingga melewati sistem keselamatan pelabur dalam sesuatu urusniaga.

4 - Mendedahkan pandangan-pandangan ulama' dan ilmuan Islam tentang hukum-hukum terhadap bentuk-bentuk urusniaga saham di bursa umumnya dan BSKL khasnya.

5 - Merumuskan permasalahan yang berlaku dan cuba mengemukakan beberapa cadangan terhadap rumusan yang dibuat bagi memantapkan lagi operasi urusniaga saham di BSKL secara yang dikehendaki oleh Islam.

D. Kepentingan Kajian

Tajuk ini menjadi pilihan penulis memandangkan kepentingannya yang amat besar antaranya ialah :

1. Membuktikan bahawa Islam itu agama yang benar di mana ia diturunkan oleh Allah s.w.t. khusus untuk diperaktikkan oleh seluruh manusia untuk menjamin maslahah mereka.

2. Memberikan keyakinan kepada masyarakat bahawa Islam amnya dan sistem ekonomi Islam khasnya amat sesuai untuk diperaktikkan pada setiap zaman dan di mana-mana sahaja. Ia bukanlah agama yang semata-mata berupa ibadah

berbentuk ritual sahaja tetapi ajarannya itu lengkap sebagai suatu cara hidup ('*al-din*') yang menyeluruh dalam segenap aspek kehidupan.

3. Mencari penyelesaian kepada perselisihan pendapat yang berlaku berhubung dengan urusniaga saham ini dengan cara yang adil, iaitu manakah pandangan yang paling sesuai dan terbaik untuk keadaan di zaman sekarang. Seterusnya penyelesaian ini diharap dapat menjaga kewibawaan fiqh Islam.

E. Skop Dan Bidang Kajian

Kajian ini dimulakan dengan memberikan penumpuan kepada pemahaman terhadap bentuk sistem jual-beli menurut Islam. Kemudian ia akan memperincikan persoalan *gharar* yang wujud di dalam sesuatu urusniaga iaitu di dalam kedua-dua unsur utamanya sama ada pada unsur ketidakpastian terhadap keadaan barang jualan (*jahl*) atau pada ketidakpastian terhadap penyerahan barang jualan (*khaṭr*). Persoalan riba tidak akan dikaji dalam penulisan ini walaupun ia juga merupakan unsur yang amat penting dalam sesuatu akad jual-beli.

Urusniaga-urusniaga saham yang diberi perhatian hanyalah yang dilakukan di BSKL sahaja dan tidak di bursa-bursa saham yang lain. Cuma penulis memasukkan sedikit urusniaga di luar BSKL tetapi yang mempunyai kaitan yang begitu rapat dengan urusniaga saham seperti urusniaga *Initial Public Offering (IPO)*, urusniaga semerta (tunai) dan sebagainya. Di sesetengah bursa saham yang lain terdapat urusniaga arbitraj, opsyen dua hala (*double option*),

opsyen berganda (*option to double*) dan sebagainya tetapi penulis tidak pula memasukkannya dalam kajian ini.

Daripada pemahaman di atas barulah satu analisis akan dilakukan terhadap kewujudan *gharar* dalam setiap urusniaga saham tersebut.

F. Metodologi Kajian

Kajian ini harus menempuh dua metode utama untuk menjadikannya sempurna dan bersifat ilmiah, iaitu :

1. Metode pengumpulan data.
2. Metode penganalisaan data.

Secara umumnya, kajian ini adalah berbentuk keperpusakaan dan juga sedikit kajian lapangan melalui beberapa temubual dan observasi penulis ke lokasi kajian.

a - Metode Pengumpulan Data

Data-data yang dimaksudkan itu meliputi data primer dan sekunder. Dalam hal ini, penulis akan menggunakan beberapa metode yang lebih khusus, iaitu :

i) Metode Dokumentasi

Melalui kaedah ini, penulis mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan melalui pembacaan bahan bertulis. Antara bahan rujukan tersebut ialah jurnal, laporan rasmi, surat khabar, majalah, buku-buku ilmiah yang berkaitan dan sebagainya sama ada bahan-bahan tersebut diperoleh melalui perpustakaan, laman-laman web, pamphlet-pamphlet atau buku-buku yang dimiliki sendiri oleh penulis. Metode ini akan digunakan dengan berkesan dalam hampir kesemua bab kajian ini.

ii) Metode Wawancara

Metode ini akan digunakan khasnya dalam memahami selok-belok urusniaga saham di BSKL secara lebih mendalam dan dalam hal-hal yang memerlukan lanjutan daripada bahan tulisan yang terhad sama ada dengan pihak BSKL sendiri atau dengan pihak firma broker saham yang tertentu.

Ia juga akan digunakan dalam memahami perbahasan fiqh iaitu melalui temubual dengan pakar ekonomi Islam seperti yang ada di Suruhanjaya Sekuriti atau di mana-mana pusat pengajian tinggi. Oleh itu metode ini akan digunakan dengan berkesan dalam mendalami kajian berkenaan dengan permasalahan *gharar* dalam urusniaga saham dan sistem-sistem urusniaga di BSKL itu sendiri terutamanya dalam bab ketiga dan keempat.

iii) Kajian perpustakaan

Kaedah ini akan digunakan dalam hampir kesemua bab. Bahan-bahan yang dimaksudkan seperti buku, majalah, jurnal dan sebagainya boleh didapati di sana. Antara perpustakaan yang digunakan oleh penulis ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam UM, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur.

b - Metode Penganalisaan Data

Semua data yang diperolehi akan dianalisa dan dikaji dengan teliti. Untuk itu, penulis akan menggunakan metode-metode yang tertentu dalam membuat penganalisaan dan penyusunan data-data tersebut, iaitu :

i)- Metode Induktif

Metode ini bermaksud satu penganalisaan data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dan kesimpulan dengan berpandukan kepada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Metode ini akan digunakan secara berkesan khasnya dalam bab pertama, kedua dan ketiga.

yang boleh digarap daripada kajian ini. Penjelasan mengenai bab-bab isi kajian ini adalah seperti berikut ;

a- Bab Pertama

Bab ini merupakan perbincangan awal berkenaan dengan sistem jual-beli menurut Islam. Perbincangan dalam bab ini menjadi landasan penting di dalam memahami bentuk-bentuk sesuatu urusniaga yang dibenar atau tidak dibenarkan oleh Islam. Penulis mengemukakan sistem jual-beli Islam sebagai sistem yang lengkap dan sentiasa menjaga maslahah orang ramai ketika melakukan sesuatu urusniaga. Huraian bab ini meliputi konsep jual-beli, rukun-rukun dan syarat-syaratnya, unsur-unsur yang membatalkan akad, konsep *al-qabd* dan konsep pemilikan sesuatu harta menurut Islam. Perbincangan ini dapat dijadikan suatu panduan kepada penulis untuk membuat penilaian terhadap kesahihan sesuatu urusniaga saham yang dilakukan.

b- Bab Kedua

Bab kedua pula akan membincangkan secara terperinci berhubung dengan persoalan *gharar* yang menjadi salah satu daripada unsur-unsur yang menyebabkan sesuatu akad jual-beli itu terbatal atau tidak sah. Ia adalah lanjutan daripada huraian berkenaan perkara-perkara yang boleh membatalkan sesuatu akad. Bab ini akan menyentuh tentang definisi *gharar* serta konsepnya dalam sesuatu akad, pembahagian-pembahagian *gharar*, *cillah* larangan, contoh-contoh jual-beli *gharar* yang disebutkan di dalam khazanah ilmu Islam sejak zaman yang

silam dan sebagainya. Penulis membuat kesimpulan bahawa konsep *gharar* mengandungi dua elemen iaitu ketidakpastian keadaan barang jualan (*jahl*) dan ketidakpastian dalam penyerahan barang jualan (*khatr*).

c- **Bab Ketiga**

Penulis menggunakan bab ini untuk menerangkan bagaimana keadaan sesuatu urusniaga saham di BSKL itu dilakukan. Pada hemat penulis, setelah melalui perbincangan asas berhubung sistem urusniaga secara Islam dan konsep *gharar*, adalah sesuatu yang amat sesuai dan relevan pula untuk memahami selok-belok urusniaga saham yang dilakukan di BSKL. Sebagai permulaannya penulis menyingkap sejarah BSKL, struktur serta akta-akta parlimen yang berkaitan.

Topik yang utama di dalam bab ini ialah berkenaan dengan proses dan prosedur sesuatu urusniaga saham itu dilakukan serta bentuk-bentuk urusniaga yang dilakukan oleh para pelabur. Penulis juga menyentuh tentang jenis-jenis sekuriti yang diperdagangkan dan diselitkan juga sedikit perbincangan tambahan yang meliputi persoalan spekulasi dan manipulasi dalam urusniaga saham yang sering dikaitkan sebagai punca utama permainan saham diharamkan.

d- **Bab Keempat**

Isi bab ini merupakan kemuncak kepada perbincangan dalam kajian ini. Persoalan tentang ketidakpastian penyerahan barang jualan (*khatr*) akan menjadi asas utama dalam perbincangan terhadap proses sesuatu urusniaga saham dilakukan. Pelbagai

bentuk urusniaga saham yang berlaku di BSKL akan dianalisis khususnya menerusi persoalan *gharar* sama ada wujud atau tidak unsur *gharar* yang keterlaluan (*fâhish*). Urusniaga-urusniaga yang dimaksudkan itu meliputi urusniaga biasa, urusniaga kontra, jualan singkat, urusniaga margin, urusniaga opsyen dan sebagainya malah termasuk urusniaga terbitan awam. Akhirnya penulis menemui jawapan kepada persoalan *gharar* tersebut di mana kebanyakan urusniaga tersebut adalah bebas daripada unsur-unsur *gharar* yang dilarang oleh Islam.

H. Maklumat Awal Dan Penemuan Hasil Kajian

Sebelum kajian ini dilakukan, penulis telah mendengar dan membaca sedikit sebanyak berkenaan dengan pandangan beberapa ulama' dan ahli ekonomi Islam terhadap urusniaga saham di bursa saham. Ketika itu penulis beranggapan bahawa hampir keseluruhan bentuk urusniaga tersebut tidak selaras dengan Islam khususnya yang berkaitan dengan prosedur asas bursa saham yang menangguhkan penyelesaian sesuatu urusniaga kepada beberapa hari berikutnya.

Penulis juga beranggapan bahawa elemen spekulasi dan manipulasi pasaranlah yang telah menjadi unsur negatif utama dalam sesuatu urusniaga saham. Ini berikutan dengan penekanan segelintir penulis dan ilmuan Islam yang tidak mengkaji secara mendalam dan teliti tentang keadaan proses dan prosedur urusniaga saham di bursa saham. Mereka banyak bersandarkan kepada alasan bahawa permainan saham ini adalah suatu bentuk 'jual-beli dan untung-rugi atas

angin', menyemai sikap malas dalam diri pelabur, berjudi (spekulasi) dan sebagainya.

Namun setelah kajian ini dibuat, penulis mendapati bahawa pandangan yang lalu itu adalah kurang tepat khususnya berhubung dengan proses urusniaga saham ini dilakukan dan juga berkenaan dengan pemahaman terhadap konsep *gharar* itu sendiri secara yang lebih terperinci dan hingga ke akar umbinya.

Tidak semua kewujudan *gharar* itu dilarang oleh Islam di mana adakalanya ia dimaafkan kerana nilainya dikira sedikit atau kerana ia terlalu sukar untuk dielakkan sedangkan maslahah kepada urusniaga tersebut adalah lebih besar. Pada asasnya, penulis membuat kesimpulan bahawa urusniaga saham di BSKL yang menggunakan proses dan prosedurnya yang tersendiri itu tidak mengandungi unsur *gharar* yang keterlaluan (*fāhish*) sehingga dilarang oleh Islam. Ini disebabkan terdapatnya sistem keselamatan atau undang-undang yang memberi jaminan kepada semua pihak yang terlibat dalam sesuatu urusniaga di situ.

Unsur ketidakpastian terhadap keadaan barang jualan (*jahl*) juga tidak wujud di sesuatu bursa kerana semua saham termasuk sekuriti lain mestilah ditawarkan secara lengkap untuk dimasukkan ke dalam sistem komputer *WinSCORE*. Malah kesemua sijil atau skrip saham yang sebenar (asli) disimpan dengan cermat oleh pihak BSKL melalui anak syarikatnya *MCD* di bawah prosedur Sistem Depositori Pusat (SDP).

Ketidakpastian dalam penyerahan barang jualan (*khatr*) juga tidak wujud kerana penyerahan tersebut dilakukan secara automatik melalui kemasukan ke dalam akaun *CDS* pelanggan dan kesemua sijil saham itu pula masih disimpan oleh *MCD*. Ini secara langsung mengelak risiko kehilangan sijil atau risiko tidak sampainya sesuatu sijil saham kepada pembeli. Dalam pada itu, setiap tawaran jualan saham akan dipertanggungjawabkan kepada penjualnya. Jika beliau memungkiri tawaran jualannya itu, satu tindakan akan dikenakan kepadanya sebagai menjaga maslahah pihak pembeli dan begitulah sebaliknya pula.

Begitu juga bagi urusniaga saham lanjutan, seperti dalam jualan singkat, urusniaga kontra, margin dan opsyen di mana hampir keseluruhannya didapati tiada unsur *gharar* yang keterlaluan padanya.

I. Kajian Terdahulu

Sepanjang pemerhatian penulis, belum ditemui sebuah buku ataupun satu penulisan yang mengkhususkan perbincangannya secara akademik berhubung urusniaga saham di BSKL menurut pandangan fiqh khususnya dari sudut *gharar*. Buku-buku ulama' yang silam tidak membincangkan langsung hal ini sama ada dalam bahasa Arab atau bahasa yang lainnya justeru urusniaga saham adalah perkara yang baru berlaku di zaman ini.

Sungguhpun begitu, terdapat juga beberapa penulisan yang agak menghampiri dengan kajian ini iaitu sebuah buku yang ditulis oleh Samîr °Abd al-Hamîd Rađwân (1996) yang berjudul *Aswâq al-Awrâq al-Mâliyyah*, tetapi buku

ini membincangkan secara khusus dengan membuat sedikit perbandingan di antara bursa saham di London, Amerika dan negara penulisnya sendiri iaitu Mesir. Justeru terdapat perkara yang bersamaan dan terdapat juga perkara yang tidak sama dengan sistem urusniaga saham di BSKL. Di antaranya ialah penggunaan akaun *CDS*, penyimpanan sijil saham di *MCD*, sistem belian atau jualan paksa dan sebagainya tidak dinyatakan oleh beliau dan ini sedikit sebanyak mempengaruhi penilaian beliau terhadap hukum urusniaga berkenaan menurut perspektif hukum syarak.

Ismail bin Sabini (2000) ada menulis dalam latihan ilmiahnya (B.Sh., UM) di bawah tajuk yang lebih kurang sama dengan kajian ini iaitu *Unsur-unsur Gharar Dalam Urusniaga Saham*. Tajuknya kelihatan hampir sama tetapi dalam kajian tersebut beliau tidak menyentuh langsung terhadap bentuk-bentuk urusniaga saham yang biasa atau urusniaga lanjutan khususnya berkaitan dengan proses dan prosedur urusniaga. Menurut beliau, *gharar* dalam urusniaga saham ini dapat dilihat melalui amalan spekulasi, manipulasi, jualan singkat dan dagangan kontra¹.

Taufik bin Mohd Yusop (2000) juga menulis latihan ilmiahnya di bawah tajuk *Pelaburan Secara Islam Di Dalam Pasaran Saham : Satu Kajian Kes Di Lembaga Tabung Haji*. Penulisan ini telah menyentuh sedikit sebanyak berhubung urusniaga saham dan prosedur urusniaga di BSKL. Walau bagaimanapun, kajian beliau tidak menyentuh perbincangan tentang hukum bentuk-bentuk urusniaga saham tersebut. Beliau menyentuh persoalan urusniaga saham itu sebagai batu

¹ Ismail bin Sabini, *Unsur-unsur Gharar Dalam Urusniaga Saham*, 2000, Latihan Ilmiah, UM, ms. 53

loncatan atau sebagai gambaran sepintas lalu sahaja untuk menghuraikan dengan lebih tepat berkenaan pelaburan saham yang dilakukan oleh Tabung Haji.

Sementara Rosslan bin Awang Kechik (1995) pula menulis latihan ilmiahnya dengan tajuk *Pasaran Saham : Satu Penilaian Dari Perspektif Islam*. Beliau juga tidak mengkaji proses dan prosedur yang digunakan oleh pihak BSKL. Secara umumnya beliau lebih cenderung untuk menjawab dakwaan yang mengatakan bahawa pasaran saham itu kononnya menyerupai satu kasino perjudian. Beliau menegaskan bahawa dakwaan tersebut meleset sama sekali dan menyebutkan bahawa jualan singkat, manipulasi pasaran dan dagangan dalam merupakan unsur-unsur negatif yang wujud di pasaran saham tersebut.

Khairul Anuar Ahmad (2000) dalam disertasi M.A.nya di Universiti Malaya yang bertajuk *Pasaran Niaga Hadapan : Satu Analisis Perbandingan*, hanya membincangkan secara khusus berkenaan pasaran niaga hadapan di KLOFFE sahaja iaitu sebuah anak syarikat BSKL dan tidak kepada keseluruhan urusniaga saham.

Nublan Zaky bin Yusoff Zaky telah menulis sebuah buku bertajuk *An Islamic Perspective of Stock Market: An Introduction*. Walau bagaimanapun, buku ini tidak mengkhusus kepada persoalan *gharar* dan penulisnya pula hanya mengkaji berkenaan dengan pasaran saham secara umum dan bukanlah mengkhusus kepada BSKL sementara hanya sedikit sahaja hukum-hukum terhadap urusniaga-urusniaga tersebut disentuh.

Dr. Ahmad Hidayat pula telah menulis sebuah tesis bertajuk *Studies In The Islamic Law of Contracts : The Prohibition of Gharar*. Tulisan beliau lebih merujuk kepada konsep *gharar* dalam bentuk yang umum dalam semua jenis kontrak dan tidak pula menyentuh berkenaan dengan isu urusniaga saham di bursa saham².

² Ahmad Hidayat Buang (2000), *Studies In The Islamic Law of Contracts : The Prohibition of Gharar*, Kuala Lumpur : International Law Book Service